



21 MAR, 2024

Taktik susun kotak lori mainan gagal kaburi pihak Kastam

Harian Metro, Malaysia



CUBAAN SELUDUP ROKOK RM17.62 JUTA

Taktik susun kotak lori mainan gagal kaburi pihak Kastam



AMINUL Izmeer (tiga dari kiri) menunjukkan antara barang rampasan pelbagai kes dalam sidang media di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) Gelang Parah, Johor. - Gambar NSTP/NUR AISYAH MAZALAN

Iskandar Puteri: Usaha sindiket penyeludupan menyusun 160 kotak lori mainan di dua kontena berisi 21 juta batang rokok seludup bernilai keseluruhan RM17.62 juta untuk dihantar ke Mexico, hanya sia-sia apabila taktik terbabit digagalkan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Cubaan untuk menyeludup rokok terbabit digagalkan anggota JKDM di Pelabuhan Tanjung Pelepas pada 3 dan 4 Mac lalu.

Pengarah Kastam Johor Aminul Izmeer Mohd Sohaimi berkata, sindiket menyusun kotak lori mainan bagi mengaburi pihak berkuasa, namun ia dipatahkan selepas pemeriksaan rapi dibuat anggotanya.

"Sekali pandang, dua kontena itu cuma berisi lo-

ri mainan sahaja. Namun, oleh kerana taktik sebegini kerap digunakan sindiket, kami melakukan pemeriksaan rapi di bahagian belakang kontena.

"Akhirnya, apa yang disyaki anggota terbukti benar apabila mereka menemukan rokok seludup itu," katanya pada sidang media di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) Gelang Patah, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Aminul Izmeer berkata, siasatan awal ke atas kontena itu didapati, rokok seludup terbabit dalam perjalanan untuk dihantar ke Mexico dan pihaknya sedang

mengesan pemilik dagangan berkenaan.

Dalam perkembangan lain, Aminul Izmeer berkata, pihaknya turut menyita tiga kontena mengandungi 69,390 tin minuman keras tidak berkastam di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Gelang Patah, 29 Januari lalu.

"Anggaran nilai minuman keras yang disita ialah RM283,631 dengan anggaran cukai RM1.84 juta. Ketiga-ketiga kontena dalam perjalanan dari luar negara ke Sabah," katanya.

Kedua-dua kes disiasat mengikut Seksyen 133(1) (a) Akta Kastam 1967.

"Sekali pandang, dua kontena itu cuma berisi lori mainan sahaja. Namun, oleh kerana taktik sebegini kerap digunakan sindiket, kami melakukan pemeriksaan rapi di bahagian belakang kontena"



21 MAR, 2024

Taktik susun kotak lori mainan gagal kaburi pihak Kastam

Harian Metro, Malaysia



SUMMARIES

CUBAAN SELUDUP ROKOK RM17.62 JUTA

Iskandar Puteri: Usaha sindiket penyeludupan menyusun 160 kotak lori mainan di dua kontena berisi 21 juta batang rokok seludup bernilai keseluruhan RM17.62 juta untuk dihantar ke Mexico, hanya sia-sia apabila taktik terbabit digagalkan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Cubaan untuk menyeludup rokok terbabit digagalkan anggota JKDM di Pelabuhan Tanjung Pelepas pada 3 dan 4 Mac lalu.